


IKLAN/ADVERTISEMENT



**USRAH INSTITUTION (IU)**


**WHY IU??**

- One of the **BIGGEST, WELL-KNOWN & ACTIVE** club in MMU
- Your best in spiritual and educational guidance
- Established in year 1996 based on study group basis. 12 years of existence in MMU
- We provide excitement indoor & outdoor activities
- Lots of interesting sports activities too

DAY : TUESDAY - THURSDAY  
 DATE : 23 - 25 JUNE 2009  
 TIME : 8.00AM - 5.00PM  
 PLACE : CLC CONCOURSE  
 BOOTH : NO. 28

RENEW MEMBER : RM 3  
 NEW MEMBER : RM 5

UPCOMING EVENTS :

 MUKTAMAR SANAWI  
 ICE BREAKING 09/10

**FREE membership FOR non-muslim as 'Rakan IU'**

**FREE** Myology Gift  
**GIFT FOR FIRST 50 PERSON REGISTER**

Contact Person :  
 JURHAZWAN : 0139759240 NURUL AINI : 0137200029  
 U 09/10 [ SHARING TOGETHER, CARING EACH OTHER ]

BIRO INFORMASI & PENERBITAN

Esok akan merekah bunga yang harum baunya mengusir segala kesedihan dan menjadi penghibur hati.



[www.hijrahislam.com](http://www.hijrahislam.com)



© 2009. SEGALA HAKIPTA DAN PENULISAN BOLEH DITERBITKAN SEMULA. Digalakkan sama sekali menerbitkan semula dengan apa jua cara sekalipun. TERIMA KASIH.  
 Biro Informasi & Penerbitan (Kampus Melaka), Institusi Usrah, Multimedia University, Jalan Ayer Keroh Lama, 75450 Melaka.  
 Jika ada sebarang artikel/komik yang boleh dikongsi bersama sila hantarkan kepada :  
 Email : [suhailah.daisy@gmail.com](mailto:suhailah.daisy@gmail.com)

3 REJAB 1430H

TRIMESTER

**The 1 Raise**  
 ISU IU\_MLK/0910/01

WACANA

1. 15 Pintu Syaitan Yang Ada Di Dalam Diri Kita
2. Abu Hanzalah B Ar Rabie
3. Tolong Ingatkan Aku
4. Hadith
5. Iklan/Advertisement

**TINTA DARI IU**

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani..

**A**ssalamu'alaikum, rakan-rakan sekalian. Alhamdulillah, syukur dengan izinNya, kita masih lagi mampu untuk terus hidup, tersenyum dan menikmati pelbagai nikmat yang pasti, tidak akan mampu dihitung mahupun dibayar kembali.. Lantas, apalah daya dan kemampuan hamba seperti kita ini dapat lakukan sebagai tanda menghargai nikmat kurniaanNya?? Sudahlah tidak mampu membayar, menghitung nikmat pemberianNya pun tidak dapat kita lakukan. Maka, cukuplah hamba seperti kita untuk sentiasa bersyukur dan menggunakan nikmat kurniaanNya dengan cara yang PALING diredhaiNya. Dalam kehidupan, tidak dapat dinafikan, terkadang kita diuji dengan ujian yang yang memeritkan, Namun awas.. jangan mudah salah sangka.. Yakinlah bahawa Allah tidak pernah berhasrat untuk menyakiti hambaNya, kerana Dia bersifat dengan sifat yang Maha Pengasih. Cubalah muhasabah diri kembali, musibah yang datang ada hikmahnya.

Sesi Akademik 2009/2010, kini membuka tirai. Buat pelajar yang lama, selamat kembali ke kampus dan buat pelajar yang baru, selamat datang kami ucapkan. Kami sangat mengalu-alukan kehadiran kalian untuk bersama-sama Institusi Usrah membina cita-cita dan kehidupan di MMU ini. Semestar yang baru pasti ada azam baru yang ingin dicapai. Teruskanlah berazam, namun jangan biar azam hanya disuara, sampaikanlah ia ke anggota san biarlah niat selari dengan caranya (syariat).

Sedar tidak sedar, kini kita telah berada dibulan Rejab, Masa cepat benar berlalu. Justeru, isikanlah ruang masa dengan aktiviti yang bermanfaat. Luangkan sedikit masa untuk bersama-sama menyertai program dan aktiviti yang kami di Institusi Usrah(IU) anjurkan. InsyaAllah, bersama-sama kita mendekatkan diri kepadaNya.

Akhir kata, teruskanlah bersemangat, janganlah bersedih dan teruskanlah berusaha memperbaiki diri dan membina cita-cita. Matlamat kejayaan seorang muslim bukanlah untuk 'dunia' tetapi untuk 'akhirat'. Justeru, dalam kesibukan diri dalam hal keduniaan, ambillah masa untuk mendekatkan diri kepadaNya, mengadulah dan bertaubatlah kepadaNya. Hanya dengan Allah bersama kita, kita akan beroleh kekuatan yang sebenarnya, sebab kita hamba, tiada daya upaya melainkan dengan Nya. Andai diuji dengan kegagalan. Jangan mudah putus asa. Jatuh? Bangun kembali!

Sekian dahulu buat kali ini, Salam perkenalan dari Institusi Usrah 09/10. Moga ukhuwwah yang terjalin semakin erat dan mendapat keredhaan dan rahmat dari sisiNya. Senyum Selalu. *Usrah itu keluarga.*

**DILARANG MEMBACA SEMASA MENDENGAR KHUTBAH JUMAAT**



JADUAL WAKTU SOLAT/PRAYER TIME					
IMSAK	5.33 AM	ZOHOR	13.16 PM	ISYAK	20.38 PM
SUBUH	5.43 AM	ASAR	16.42 PM		
SYURUK	7.06 AM	MAGHRIB	19.22 PM		

**USRAH**

[www.iumelaka.com/v1](http://www.iumelaka.com/v1)

26 JUN 2009

JUMAAT/FRIDAY

BIRO INFORMASI & PENERBITAN

## ABU HANZALAH BIN AR RABIE

Salah seorang sahabat serta jurutulis Rasulullah S.A.W yang terkenal ialah **Abu Hanzalah bin Ar Rabie**. Ketika peperangan Uhud meletus beliau baru saja dinikahkan. Oleh kerana itu Rasulullah mengecualikan beliau dari turut serta ke medan peperangan. Inilah cara Rasulullah untuk merayakan kebahagiaan sahabat baginda.

Namun ketika Hanzalah terjaga dari tidurnya, beliau mendengar gendang perang dibunyikan begitu kuat sekali. Melalui seorang sahabatnya beliau mendapat berita bahwa tentera Islam mendapat tentangan yang hebat. dan dalam keadaan terlalu genting. Tanpa membuang waktu lagi Hanzalah lalu memakai pakaian perang lalu mengambil pedang. Dia menuju ke medan tempur tanpa sempat mandi junub.

Maka terjadilah pertempuran hebat sehingga banyak dari pihak Islam yang gugur syahid. Pihak musuh telah menyerang dari belakang. Akhirnya Hanzalah turut menjadi korban dalam keadaan sedang junub. maka Rasulullah SAW pun melihat mayat Hanzalah dimandikan oleh para malaikat seperti mana tercantum dalam sabdanya: *"Aku melihat diantara langit dan bumi para malaikat memandikan mayat Hanzalah dengan air dari awan di dalam bejana perak."*

Para sahabat tercengang-cengang mendengar ini. Salah seorang dari mereka, Abu Said Saidi lalu pergi melihat mayat Hanzalah. Wajah Hanzalah kelihatan tenang. Dari rambutnya kelihatan titisan air berlinangan turun. Sungguh beruntung Hanzalah mendapat layanan yang begitu istimewa dari malaikat. Tidak pernah terjadi dalam sejarah seorang syahid dimandikan dengan cara yang luarbiasa ini. Malahan matinya sebagai syuhada menjadikan ia sebagai penghuni syurga tanpa dihisab. Subhanallah...

p/s : Perjalanan hidup ini tak semudah yang dibayangkan. Niat ikhlas hanya kerana Allah akan sentiasa membawa kepada pengakhiran yang terbaik.

<http://iluvislam.com>



## TOLONG INGATKAN AKU..

Assalamualaikum sahabat-sahabatku...

Nak minta tolong sikit boleh tak?

**Tolong ingatkan saya,**

Andai saya terlupakan tuhan,  
Dalam kelapangan dan kesibukan,  
Dalam kesenangan dan kesusahan.

**Tolong ingatkan saya,**

Jangan jadi anak derhaka,  
Mak ayah dilupakan jangan,  
Usah diluka hati dan perasaan.

**Tolong ingatkan saya,**

Dengarlan dan bacalah Al-Quran,  
Tika radio penuh hiburan,  
Tika tv penuh Hindustan.

**Tolong ingatkan saya,**

Di mana silamnya zahirku,  
Jika aurat didedahkan disingkat,  
Diketat dan dijarangkan.

**Tolong ingatkan saya,**

Jadilah sahabat yang baik,  
Sentiasa memberi peringatan,  
Sentiasa menerima teguran.

**Tolong ingatkan saya,**

Kalau bercinta biarlah keranaNya,  
Dalam memilih utamakan iman,  
Kelak ikatan dihindari syaitan.

**Tolong ingatkan saya,**

Hidup ini satu kembara,  
Kutiplah mutiara dalam perjalanan,  
Moga di sana menjadi bekalan.

**Tolong ingatkan saya,**

Diri ini milik Yang Kuasa kepadaNya,  
Jiwa diserahkan segala-segala,  
Dialah tumpuan.

<http://iluvislam.com>



## HADITH

Rasulullah SAW bersabda :

*"Jadilah kamu orang-orang yang memelihara ilmu dan janganlah kamu menjadi tukang riwayat".*

Ilmu ibarat cahaya. Ia tidak akan hadir dalam hati mereka yang kotor hatinya, tapi ia akan sentiasa menerangi jiwa mereka yang bersih jiwanya.